

**TRANSCRIPT OF EULOGY  
BY SIDEK BIN SANIFF  
AT THE FUNERAL OF THE LATE MR LEE KUAN YEW  
SUNDAY, 29 MARCH 2015  
UNIVERSITY CULTURAL CENTRE AUDITORIUM**

**Penghormatan kepada Mendiang Encik Lee Kuan Yew**

Presiden

Anggota-anggota Keluarga Mendiang Encik Lee Kuan Yew

Rakan-rakan

1 Saya terkejut apabila Encik Lee Kuan Yew meminta saya bertanding sebagai calon dalam Pilihan Raya Umum pada 1976. Keputusan saya menerima tawaran beliau untuk bertanding sebagai seorang calon PAP telah memberikan satu kejutan kepada masyarakat Melayu. Ini kerana hanya beberapa tahun sebelum itu, saya telah memberi pandangan-pandangan berbeza daripada Pemerintah mengenai pendidikan.

2 Beliau adalah seorang ketua yang tegas tetapi banyak memberi nasihat. Beliau mengingatkan supaya jangan sekali-kali berdolak-dalik. Bersikap terbuka. Sentiasa berwaspada. Tegas. Tetapi yang paling penting, mestilah bersopan santun. Nasihatnya ialah supaya kita tumpukan perhatian kepada pendidikan. Ini akan memastikan anak-anak kita menjadi pengamanah negara yang boleh dipercayai apabila mereka dewasa kelak. Saya amat berterima kasih kepada Encik Lee kerana telah memberi sokongan padu kepada penubuhan Yayasan Mendaki.

3 Pada tahun 1979, apabila saya dikehendaki menemani Hon Sui Sen, Menteri Kewangan pada waktu itu, ke China, Encik Lee bertanya sama ada saya boleh tahan cuaca sejuk di China. Beliau juga bertanya, "Adakah anda mempunyai kot musim sejuk?" Saya berkata yang saya akan membelinya. Beliau menjawab, "Jangan buang duit. Jangan buang duit." Selepas berhenti sejenak, beliau menyambung: "Ahmad Mattar ada kot musim sejuk yang bagus. Pinjamlah daripadanya."

4 "Bagaimana pula dengan but untuk menyalur kasut semasa berjalan?" Saya memberitahunya yang saya tidak ada tetapi akan membelinya. "Jangan, jangan buang duit. Dia berhenti sejenak. "Pinjam daripada Chok Tong!" Jadi saya ke China dengan kot musim sejuk dan sepasang but pinjam!"

5 Encik Lee berpegang teguh kepada sikap berjimat cermat baik dalam kehidupan peribadinya mahupun di peringkat nasional. Dan beliau mengamalkan pegangan beliau itu. Peristiwa tadi adalah satu contoh, dan juga menunjukkan sikap kebapaan beliau dan sikap yang amat teliti.

6 Bercakap tentang sikap berhemat, Encik Lee tidak suka membuang masa. Beliau bukanlah orang yang suka berlengah-lengah. Pada tahun 2010, apabila saya menghantar senaskhah buku saya yang mengandungi koleksi ucapan dan rencana bertajuk, '*The Singapore Malay Paradigm*' atau dalam bahasa Melayunya '*Paradigma Melayu Singapura*', beliau mengucapkan 'Selamat Maju Jaya' kepada saya melalui satu nota peribadinya beberapa hari kemudian. Saya tersentuh dengan jawapan luhur beliau dan memberitahu bahawa buku tersebut tidak akan menjadi kenyataan tanpa pandangan jauh Encik Lee. Beliau terus membalas pada hari yang sama dengan tulisannya sendiri, lantas berkata kepada saya, 'Terima kasih Sidek'.

7 Saya telah berpeluang menemani beliau ke luar negara beberapa kali. Semasa beliau berkunjung ke Israel dan Jordan pada 1994, saya merupakan salah seorang anggota rombongan Singapura. Kedua-dua pemimpin, Perdana Menteri Israel Yitzhak Rabin dan Raja Hussein dari Jordan, telah meraikan kami sebagai tetamu di kediaman mereka masing-masing. Ini adalah satu contoh klasik layanan baik orang-orang Yahudi dan Arab: Penghargaan dan penghormatan tertinggi yang diberi kepada mantan Perdana Menteri kita. Penghormatan yang bersalut emas.

8 Saudara saudari setanah air. Hari ini kita merakamkan setinggi-tinggi penghormatan dan penghargaan kepada seorang tokoh berwibawa ini. Encik Lee memiliki ciri-ciri dan ketokohan seorang 'negarawan'. Seorang yang hadir di kalangan kita hanya sekali dalam beberapa dekad untuk meninggalkan kesan mendalam terhadap masyarakat dan di seluruh persada dunia.

9 Kepada keluarga beliau, negara turut berkongsi kesedihan dan kepiluan yang anda rasakan. Salam takziah yang amat mendalam dari kami. Saya harap kepiluan anda sekeluarga sedikit sebanyak terubat apabila mengenang hakikat bahawa tokoh pengasas negara kita ini, iaitu bapa anda, sebenarnya telah menikmati kehidupan dan hayat yang panjang lagi bermakna. Rakyat Singapura sangat terhutang budi kepada beliau.

10 Izinkan saya membacakan serangkap pantun Melayu yang menghargai nilai budi seseorang:

*Pisang emas dibawa belayar  
Masak sebiji di atas peti  
Hutang emas boleh dibayar  
Hutang budi dibawa mati.*

Pepatah Melayu pula berkata: Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama.

11 Encik Lee, kami ingin menegaskan bahawa warisan yang anda tinggalkan akan diteruskan. Kami akan selalu menghargai nasihat anda, terutama sekali dalam memerintah negara. Anda pernah berkata: “Jika anda ingin menjadi popular setiap masa, anda akan silap memerintah. If you want to be popular all the time, you will mis-govern.” Dan anda sering menggesa kami untuk mengambil pendekatan yang pragmatik. Dan yang paling utama anda tegas meminta kami agar sentiasa jujur dan bersih- dua sifat yang mempunyai lentunan pengertian yang kental.

12 PM, SM, MM, selamat berpisah.

13 Selamat Berpisah, Sahabatku, Selamat Berpisah.

-----